

**Berita Harian (9/1/2013)**

**Sistem IBA pendekkan masa urusan di PUSPAKOM**

Kita sudah memperkenalkan sistem pemeriksaan secara temu janji (IBA) sejak April lalu bagi mengurangkan masa menunggu serta penggunaan orang tengah. Ia dapat menangkis persepsi negatif orang ramai sebelum ini kononnya urusan perkhidmatan PUSPAKOM mengambil masa lama.

Setakat ini, kira-kira 80 peratus pemeriksaan di pusat PUSPAKOM seluruh negara dilakukan menerusi IBA setiap hari dan tempoh kenderaan diperiksa boleh disiapkan kurang sejam. Kita akan terus meningkatkan perkhidmatan pelanggan supaya urusan pemeriksaan menerusi temujanji mencapai 100 peratus dan tiada lagi masalah menunggu lama serta kenderaan beratur panjang.

Pemilik kenderaan boleh membuat tempahan IBA di talian bebas tol 1 800 88 6927 atau melayari laman web [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) atau menghubungi pejabat cawangan dikehendaki.

**Mohammad Shukor Ismail**

**Ketua Eksekutif PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM)**